



**TRANSKRIP UCAPAN
KETUA SETIAUSAHA KPDNHEP
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN KPDNHEP
BULAN FEBRUARI 2020**

**TARIKH : 25 FEBRUARI 2020 (SELASA)
MASA : 8.30 PAGI
TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA, ARAS G
KPDNHEP, PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Datuk TKSU (K&P), Yang Berusaha Dr. TKSU (PPDN),
Yang Berusaha Pengarah-pengarah Sektor dan Bahagian, Pengarah-
pengarah Negeri serta warga KPDNHEP yang dikasihi sekalian.

Setinggi penghargaan diucapkan kepada **Sektor Barang Kawalan dan Subsidi** selaku panitia Perhimpunan Bulan Februari 2020 atas usaha untuk menjayakan perhimpunan pada hari ini.

KOMPONEN SUBSIDI DALAM BELANJAWAN 2020

Saya suka untuk memulakan perhimpunan hari ini dengan mengimbas kembali intipati Belanjawan 2020 yang diumumkan pada tahun lalu, di mana Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM24.2 bilion atau 8% daripada jumlah keseluruhan belanjawan Persekutuan bagi menampung perbelanjaan subsidi dan bantuan sosial negara. Jika dilihat pada skop yang lebih kecil iaitu di peringkat belanjawan Kementerian, peruntukan bagi program subsidi merupakan **komponen terbesar** iaitu merangkumi **85% atau RM2.81 bilion** daripada jumlah keseluruhan belanjawan

KPDNHEP bagi tahun 2020 yang berjumlah **RM3.29 bilion**. Jumlah pecahan peruntukan mengikut program subsidi adalah seperti berikut:

- i) Program Subsidi Petrol (PSP) : RM2.2 bilion;
- ii) Program Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) : RM400 juta;
- iii) Program Penyeragaman Harga (PPH Transporter) : RM150 juta;
- iv) Program Subsidi Tepung Gandum : RM40 juta; dan Kegunaan Am
- v) Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan (PPHSSL) : RM20 juta

Jumlah ini ternyata bukan jumlah yang kecil yang boleh dipandang remeh sebaliknya ia perlu menjadi **fokus kementerian** bagi memastikan program subsidi yang dilaksanakan mencapai objektif.

MENGAPA PERLU MENGOPTIMUMKAN PROGRAM SUBSIDI?

Kita sedia maklum KPDNHEP bertanggungjawab untuk menguruskan **pelbagai program** subsidi bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat antaranya Program Subsidi Petrol (PSP), Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS), Program Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS),

Program Penyeragaman Harga (PPH), Program Subsidi Tepung Gandum Kegunaan Am serta Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan (PPHSSL).

Program-program subsidi ini, walaupun telah dirangka dengan teliti dari pelbagai aspek seperti kriteria penerima yang layak, mekanisme agihan yang efektif serta penguatkuasaan yang bersepadu, namun **rakyat seolah-olah tidak merasai impak** daripada program-program yang dilaksanakan. Mereka juga **kurang menyedari betapa besarnya nilai subsidi yang dinikmati.**

Selain daripada pelan komunikasi yang dilihat perlu dipertingkatkan, masih berlaku **ketirisan subsidi** kepada golongan di luar sasaran seperti golongan kaya, warga asing yang berada di negara ini dan yang lebih merisaukan, masih berlaku penyeludupan barang bersubsidi ke luar negara.

Prinsip pemberian subsidi jika dilihat dari skop program-program di bawah KPDNHEP adalah bertujuan untuk mengurangkan impak peningkatan kos sara hidup rakyat khususnya bagi golongan B40. Namun, sekiranya

program-program ini tidak dilaksanakan dengan efektif, subsidi yang disalurkan bukan sahaja tidak memberi impak kepada golongan sasaran malah akan menyebabkan **pembaziran wang negara dan kerugian**.

BAGAIMANA UNTUK MENGOPTIMUMKAN PROGRAM SUBSIDI

Oleh itu, tema perhimpunan yang dipilih bagi bulan ini iaitu **Mengoptimumkan Program Subsidi** adalah sangat bertepatan dengan halatuju KPDNHEP bagi tahun 2020 dan saya mengharapkan kerjasama dan penglibatan seluruh warga KPDNHEP untuk merealisasikan agenda ini.

Perkara paling kritikal dalam mengoptimumkan program subsidi adalah dengan **(i) memastikan senarai penerima subsidi adalah dari golongan yang disasarkan dan sentiasa dikemaskini**. Perkara ini boleh dicapai melalui kerjasama inklusif bersama Kementerian dan Agensi lain yang berkaitan. Kaedah ini telah pun diaplikasikan dalam saringan senarai penerima di bawah Program Subsidi Petrol (PSP) yang menggabungkan data dari penerima Bantuan Sara Hidup (Kementerian Kewangan), data pemilikan kenderaan (Jabatan Pengangkutan Jalan), data pendaftaran kematian (Jabatan Pendaftaran Negara), data Orang

Kurang Upaya (Jabatan Kebajikan Masyarakat) dan data e-Kasih daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU, Jabatan Perdana Menteri).

Kita sedia maklum, barangan bersubsidi di negara kita seperti minyak masak, tepung gandum dan gas memasak (LPG) turut dinikmati oleh warga asing yang bekerja di negara kita. Bermula pada tahun ini, KPDNHEP akan mengkaji cadangan untuk menguatkuasakan **(ii) larangan penjualan barangan bersubsidi kepada warga asing** bagi memastikan barang kawalan bersubsidi ini hanya boleh dijual kepada rakyat Malaysia sahaja. Ini termasuk cadangan **pelabelan seragam** bagi pembungkusan barang kawalan bersubsidi, dimulakan dengan produk minyak masak bersubsidi yang akan tertera perkataan '*Untuk Kegunaan Rakyat Malaysia Sahaja*'.

Selain itu, bagi memastikan barangan bersubsidi sampai kepada golongan sasaran, KPDNHEP perlu membuat **(iii) pemantauan rapi ke atas setiap peringkat rantai pengedaran barangan bersubsidi**. Pada masa ini, sebuah sistem atas talian telah dirangka untuk pemantauan rantai pengedaran minyak masak bersubsidi di bawah Program Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS). Sistem ini dijangka

mampu mengenalpasti pemain industri dan perbekalan kuota minyak masak bersubsidi di semua peringkat rantai pengedaran iaitu dari peringkat pengilang sehingga peringkat peruncit. Ia juga dirancang akan dikembangkan kepada produk barangan bersubsidi yang lain pada masa akan datang.

PROGRAM SUBSIDI PETROL

Pengumuman Program Subsidi Petrol yang dibuat pada 7 Oktober 2019 adalah sebahagian **usaha Kerajaan untuk mengoptimumkan subsidi**. Ia mendapat liputan dan perhatian yang meluas bukan sahaja di media massa tetapi juga menjadi carian yang *trending* di Google selepas pengumuman dibuat. Ternyata orang ramai ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai kaedah penyampaian subsidi yang bakal dilaksanakan kerajaan.

Disebabkan itu, Kementerian telah menubuhkan pusat khidmat pelanggan khusus untuk Program Subsidi Petrol yang mula beroperasi pada 15 Oktober 2019. Ia menawarkan 4 jenis saluran perkhidmatan kepada orang awam untuk mengetahui lebih lanjut tentang Program Subsidi Petrol iaitu melalui panggilan telefon, e-Aduan, e-mel dan hadir ke pejabat kementerian. Sejak bermulanya pusat khidmat pelanggan ini,

ia telah dihujani oleh soalan dan pertanyaan daripada orang awam. **Sehingga 31 Disember 2019, pusat khidmat pelanggan ini telah menerima 15,891 pertanyaan daripada orang awam.**

PERSEPSI TERHADAP PROGRAM SUBSIDI PETROL

Dengan liputan daripada media massa, terdapat pelbagai reaksi dan respon berkaitan Program Subsidi Petrol. Sebahagian daripada masyarakat memahami dan dapat menerima hasrat yang ingin dicapai oleh kerajaan melalui program ini. Manakala sebahagian yang lain berpandangan sinis dan kritikal terhadap apa yang ingin dilaksanakan.

Ternyata orang awam masih tidak dapat memahami prinsip program ini dan Kerajaan pada penghujung tahun 2019 telah memutuskan untuk menunda pelaksanaannya. Penundaan program ini adalah bertujuan untuk memberikan ruang kepada kementerian bagi menerangkan kepada orang awam dengan lebih jelas maklumat berkaitan Program Subsidi Petrol.

Fakta menarik yang ingin dikongsikan mengenai Program Subsidi Petrol adalah nilai subsidi PSP mampu untuk menampung perjalanan sejauh

1,500 kilometer sebulan. Jarak ini boleh diibaratkan seperti perjalanan pulang ke kampung dari **Putrajaya ke Kulim sebanyak 4 kali sebulan.**

Fakta dan maklumat sebegini akan terus dihebahkan melalui pelaksanaan program **outreach** kepada pengguna secara terus sama ada di stesen-stesen minyak dan juga **sesi townhall (libat urus)** bersama segmen kumpulan khusus seperti kumpulan belia agar mereka lebih cakna dengan apa yang ingin dilaksanakan oleh Kerajaan. Lebih banyak sesi perkongsian maklumat bersama kumpulan-kumpulan terpilih diperlukan supaya mesej yang disampaikan lebih bermakna kepada mereka dan membantu mereka membuat keputusan yang betul.

Akhir kata, saya menyeru semua warga KPDNHEP agar bertindak sebagai ejen penyampai KPDNHEP dan memberi penjelasan berterusan kepada rakyat sebagaimana kata-kata *YAB Perdana Menteri bahawa, *“Kemiskinan tidak mungkin akan dapat diatasi dengan subsidi sebaliknya perlu diatasi dengan sikap produktif”*.

Saya yakin, dengan usaha yang bersungguh-sungguh program-program subsidi di bawah KPDNHEP dapat dioptimumkan mencapai matlamat yang dihasratkan.

Sekian, terima kasih.

***Sumber : Ucapan YAB Perdana Menteri sempena Perhimpunan Bulanan JPM
bulan Januari 2020**